



HOSPITAL MELAKA
KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

1. KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada **syarikat- syarikat di Daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebutharga berikut:-

Butiran-Butiran Tawaran	No. Sebutharga	Kod Bidang	Tarikh Iklan	Tarikh Lawatan Tapak	Tarikh Tutup
SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA NAIK TARAF UNIT TERAPI CARA KERJA BAHAGIAN PSIKIATRI DI BLOK C ARAS BAWAH DI HOSPITAL MELAKA	SH/HM/PEMB/05/2026	Kontraktor tempatan (Daerah Melaka Tengah) berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan di bawah Gred G1 bertaraf Bumiputera; Gred G1 – Kategori B (Pembinaan Bangunan) – B28 (Kerja Ubahsuai) ATAU CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) Bangunan; Sijil SPKK Gred G1 ; dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) oleh LHDN.	13 April 2026 (Isnin)	20 April 2026, (Isnin) Masa <u>Pendaftaran</u> 9.00 pagi hingga 9.30 pagi.	27 April 2026 (Isnin) Jam 12.00 tengahari

2. TARIKH TUTUP SEBUTHARGA

Sebutharga ini ditutup pada hari **Isnin, 27 April 2026, jam 12.00 tengahari**. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebutharga** yang berkenaan di **Unit Kewangan & Perolehan, Hospital Melaka, Tingkat 1, Kompleks Ilmu, Jalan Mufti Hj. Khalil, 75400 Melaka**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

3. DOKUMEN SEBUTHARGA

3.1 Dokumen sebutharga boleh diperolehi pada hari taklimat dan lawatan tapak iaitu pada **Isnin, 20 April 2026**, di **Bilik Mesyuarat Kristal, Aras 1, Blok Pentadbiran, Hospital Melaka**. Penyebutharga atau wakilnya yang sah sahaja boleh mendapatkan dokumen sebutharga dan seterusnya menghadiri taklimat serta lawatan tapak sebutharga tersebut. Setiap penyebutharga atau wakil dihadkan untuk mengambil satu (1) dokumen sebutharga dan tidak dibenarkan mewakili syarikat-syarikat lain.

3.2 Syarikat yang ingin mengambil dokumen sebutharga tersebut **DIWAJIBKAN** membawa **Salinan Pendaftaran SPKK, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia** serta **Sijil bertaraf Bumiputera dan Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** oleh LHDN yang masih sah laku untuk pengesahan pendaftaran semasa pengambilan dokumen sebutharga. Sila bawa bersama **COP SYARIKAT** semasa pendaftaran lawatan tapak.

3.3 **Lawatan tapak** adalah **diwajibkan**. Maklumat **lawatan tapak** adalah seperti ketetapan berikut :

TARIKH LAWATAN TAPAK : **20 APRIL 2026 (ISNIN)**
TEMPAT BERKUMPUL : **BILIK MESYUARAT KRISTAL ARAS 1, BLOK PENTADBIRAN, HOSPITAL MELAKA**
MASA PENDAFTARAN : **9.00 PAGI HINGGA 9.30 PAGI**
MASA LAWATAN TAPAK : **9.30 PAGI**

**Pengarah,
Hospital Melaka**

Sila Layari Portal Hospital Melaka : <http://hmelaka.moh.gov.my>.

Atau pegawai yang boleh dihubungi : Pn. Nurhidayah binti Wahid (No. Tel:06-2892006)